

26/03/1999

Langkah segera tangani masalah 500,000 pekebun

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan akan mengambil beberapa langkah segera bagi menangani masalah kejatuhan harga getah kebelakangan ini bagi mengelak kesan buruk terhadap pendapatan kira-kira 500,000 pekebun kecil getah di seluruh negara.

Masalah itu antara perkara yang mendapat perhatian serius dalam mesyuarat Kabinet semalam untuk ditangani segera, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Menurutnya, Kabinet mengarahkan kementerian itu membuat kajian terperinci dengan segera dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Program Pemantauan Pembangunan Luar Bandar yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, kajian itu antara lain ditumpukan kepada mereka yang mempunyai saiz kebun yang kecil kerana kejatuhan harga getah berkemungkinan menyebabkan pendapatan pekebun kecil berada di bawah paras garis termiskin (kurang daripada RM200 sebulan).

"Sebagai agensi bertanggungjawab, Risda diarah mengemukakan satu laporan lengkap dalam tempoh seminggu taburan pekebun kecil dari segi di mana mereka berada dan jumlah pegangan keluasan kawasan tanaman masing-masing di seluruh negara.

"Ini termasuk sama ada pemilik ladang yang bergantung kepada pendapatan getah atau pemilik ladang yang juga menjadi penoreh getah atau mereka yang menjadi penoreh getah saja.

"Saya harap kajian ini disegerakan (oleh Risda). Saya juga meminta kerjasama pekebun kecil yang terhimpit (pendapatan terjejas) kerana kejatuhan harga getah tampil ke depan memberi maklumat kepada pejabat Risda di daerah masing-masing untuk membolehkan langkah sesuai diambil bagi membantu mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Kemas, mubaligh, pelawat mubaligh dan guru al-Quran Parlimen Peringat di Pusat Ukhuwah, Tarbiah dan Riadah Rakyat (Putra) Kampung Chengal, Kadok, dekat sini, hari ini.

Selain itu, katanya, kementerian juga akan memperakukan satu pendekatan jangka pendek dan sederhana kepada kerajaan bagi memastikan kesan kepada pekebun kecil yang terjejas berikutan kejatuhan harga getah dapat dikurangkan.

Katanya, antara pendekatan itu termasuk mengambil tindakan awal mengenal pasti pekebun kecil yang pendapatannya kurang daripada paras kemiskinan diserapkan ke dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Di samping itu, katanya, kementerian juga berkemungkinan menambah peruntukan bagi memperbanyakkan kegiatan ekonomi sampingan pekebun kecil menerusi agensi kemajuan tanah seperti Felcra, Risda dan Felda supaya agensi terbabit bersifat lebih proaktif berdasarkan masalah semasa yang berlaku.

"Kerajaan sangat mengambil berat kesan kejatuhan harga getah sekarang yang mungkin berpunca kelembapan ekonomi semasa dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir sendiri mahukan perkara ini ditangani segera," katanya.

Ditanya adakah langkah sesuai boleh dilakukan oleh Risda bagi mengatasi masalah itu bagi membantu pekebun kecil getah, Annuar berkata, kementerian mempunyai beberapa pendekatan tetapi belum boleh diumumkan lagi.

(END)